

Ucapan YB. Dr. Mahathir bin Mohamad,
Menteri Pelajaran, di Majlis Makan
Malam Anjuran Persekutuan Pengurus
Sekolah China Semenanjung Malaysia
dan Guru-Guru Sekolah China Semenanjung
Malaysia, di Federal Hotel, Kuala Lumpur,
pada 21hb. Nobember, 1974 jam 8.00 malam.



Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Persatuan Guru-Guru China Malaysia kerana sudi menjemput saya ke Majlis Makan pada malam ini. Saya juga merasa gembira kerana dalam Majlis ini saya berpeluang berjumpa bukan sahaja dengan rakan-rakan saya ahli-ahli Parlimen dari kaum China tetapi juga dengan mereka-mereka khususnya dari Persatuan Guru-Guru China yang amat mengambil berat terhadap perkembangan pelajaran China di negara ini.

2. Tuan-tuan dan puan-puan.

Kepada saya perjumpaan kita malam ini adalah juga melambangkan kebebasan yang ada pada rakyat dan keadaan harmoni yang wujud antara rakyat dari berbilang kaum di negara ini. Tidak ada sebuah negara lain di mana orang-orang China tidak majoriti dapat mengadakan majlis seperti pada malam ini.

3. Pelajaran China di Malaysia mempunyai sejarah yang panjang yang bermula dalam zaman penjajah. Dalam zaman penjajah dahulu pemerintah berpendapat adalah lebih baik penduduk-penduduk dari berbagai kaum diasingkan di bidang ekonomi dan sosial terutamanya pelajaran. Berikutan dengan dasar ini tiap-tiap kaum diberikan oleh penjajah satu sistem persekolahan yang tersendiri.

4. Tetapi kerana penjajah pada masa itu memerlukan kakitangan supaya pentadbiran mereka berjalan dengan baik sekolah-sekolah Inggeris dimulakan dan penduduk-penduduk dari semua kaum belajar di sekolah-sekolah ini. Sistem pelajaran Inggeris bukan bertujuan untuk menyatupadukan kaum-kaum di negara ini. Walaubagaimanapun oleh kerana mereka dari berbagai kaum ini berpeluang belajar di sekolah-sekolah Inggeris, maka sistem pelajaran Inggeris dapat menjadi alat merapatkan penduduk-penduduk dari berbagai kaum. Orang-orang berbagai kaum dari sekolah-sekolah Inggeris inilah yang telah bersikap lebih liberal dan merekalah yang dapat berkerjasama dan bersefahaman. Mereka-mereka yang tidak memasuki sekolah-sekolah Inggeris mendapati susah atau sukar untuk bekerja dan hidup bersama-sama antara kaum.

5. Tuan-tuan dan puan-puan.

Apabila Malaysia telah merdeka peranan sistem pelajaran Inggeris masih diakui dan digunakan. Tetapi adalah tidak munasabah untuk sistem pelajaran Inggeris dikekalkan selama-lamanya. Bahasa Inggeris adalah bukan bahasa ibunda sesuatu kaum di negara ini. Pengalaman di negeri-negeri lain telah membuktikan iaitu apabila bahasa Inggeris dipelajari sebagai bahasa pelajaran oleh sesuatu kaum tetapi bahasa Inggeris itu sebenarnya bukan bahasa ibundanya, maka keindahan bahasa Inggeris itu menjadi rosak dan bahasa Inggeris yang digunakan itu tidak lagi berbunyi sebagai bahasa Inggeris malahan tidak dapat dikenali samada ia bahasa Inggeris atau bukan. Oleh kerana sebab-sebab inilah dan oleh kerana Bahasa Malaysia ialah bahasa penduduk asal negara ini dan adalah digunakan dan difahami oleh sebilangan yang terbesar penduduk-penduduk Malaysia, maka Bahasa Malaysia dijadikan Bahasa Kebangsaan yang resmi negara ini. Oleh itu sistem sekolah Inggeris mestilah ditukar kepada sistem kebangsaan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Pengantar. Perubahan ini bertujuan supaya penduduk-penduduk dari

dari berbagai kaum yang pada dahulunya belajar bersama-sama di sekolah Inggeris dapatlah pula belajar bersama-sama di sekolah-sekolah kebangsaan. Dengan demikian peranan sekolah Inggeris yang ada unsur menyatupadukan murid-murid dapat berterusan pula di di sekolah-sekolah kebangsaan.

6. Sungguhpun demikian kita sama-sama mengetahui bahawa ada juga ibubapa yang memilih sekolah ibunda masing-masing untuk anak-anak mereka. Pada masa negara mencapai kemerdekaan sekolah-sekolah China dan Tamil adalah dibenarkan untuk berjalan seperti biasa. Untuk memperkukuhkan pelajaran bahasa China dan Tamil Kerajaan telah menjadikan sekolah-sekolah rendah sebagai sekolah Kerajaan. Walau bagaimanapun supaya rakyat dari berbagai kaum dapat belajar bersama-sama di peringkat menengah dan tertiary, kita memerlukan satu sahaja sistem sekolah menengah dan tertiary. Dengan cara ini, tidak kira di mana pelajar-pelajar itu memulakan sekolah mereka (mungkin di sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah kebangsaan, sekolah rendah China atau Tamil), mereka akhirnya belajar bersama-sama di sekolah menengah dan yang lebih tinggi. Inilah asas atau basis dasar pelajaran kebangsaan negara ini.

7. Dasar ini adalah mendapat sokongan yang terbanyak dari pihak 'moderate' atau sederhana di negara ini. Walaubagaimanapun Kerajaan akan sentiasa mendapat tekanan dari pihak kiri dan kanan supaya satu sistem pelajaran yang extreme atau pelampau dilaksanakan oleh Kerajaan yang mana akan melibatkan penghapusan sama sekali penduaan sistem dengan alasan yang dikatakan anti-national anti-kaum dan sebagainya. Tetapi Kerajaan adalah sedar tentang tanggungjawabnya dan akan tidak membenarkan sesiapaupun atau kumpulan-kumpulan tertentu untuk memaksa ia membuat satu-satu keputusan yang bertentangan dengan kepentingan negara. Kerajaan akan berpegang teguh kepada dasar moderatennya supaya dapat mengekalkan keadaan stabiliti dan harmoni di negara ini. Jika Kerajaan gagal melaksanakan

Tugas ini apa yang akan berlaku bukanlah kejayaan atau kemenangan bagi satu-satu pihak tertentu tetapi sebaliknya huruhara dan anarki.

Dari itu saya berharap semua pihak akan memikir secara mendalam berkenaan dengan tindakan atau tuntutan yang bukan sahaja tidak akan berhasil tetapi mungkin akan mendatangkan kerugian dan mengecewakan lagi perjuangan mereka.

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

21hb. Nobember, 1974.
